

**TEKS UCAPAN
WAKIL
NAIB CANSOLOR**

**PERASMIAN HARI AKADEmia 2019 PERINGKAT
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)**

05 Oktober 2019 (Sabtu), 8.00 Pagi, Stadium UTeM

Terima kasih tuan pengacara majlis,

Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Nurulfajar Bin Abd Manap

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar

Penolong – Penolong Naib Canselor, Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Staf, mahasiswa dan mahasiswi, hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

1. Pertama sekali, saya ingin sampaikan salam dari Yang Berbahagia Profesor Dr. Raha Abdul Rahim, Naib Canselor yang tidak dapat bersama-sama kita pada pagi ini kerana ke Perasmian Hari Akademia oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia di Universiti Malaya, pagi ini. Beliau mengucakan syabas dan tahniah di atas penganjuran Hari

Akademia Peringkat UTeM, dan berharap program pada pagi ini berjalan lancar serta mencapai objektif penganjuran.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat sama-sama berhimpun pada pagi ini bagi meraikan sambutan Hari Akademia Malaysia bagi tahun 2019, di peringkat Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
3. Sebagai makluman hadirin dan hadirat sekalian, julung kalinya tarikh 5 Oktober setiap tahun diiktiraf sebagai Hari Akademia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, bagi menghargai jasa dan sumbangan seluruh kakitangan akademik di pelbagai peringkat pengajian lepasan sekolah di negara ini. Ini merangkumi para pendidik yang berkhidmat di Universiti

Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, Institut Pendidikan Guru, Politeknik, Kolej Komuniti, Kolej Matrikulasi serta Institusi Latihan dan Kemahiran ILK dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET).

Hadirin dan Hadirat sekalian,

4. Selaras dengan tema Hari Akademia pada tahun ini iaitu Akademia Bersama Masyarakat, sambutan ini menjadi platform terbaik yang dapat merapatkan ukhwah antara ahli akademik bersama semua pihak, selain dapat kita semua memahami, betapa besarnya tanggungjawab, peranan dan pengorbanan yang diberikan oleh seluruh warga pendidik dan ilmuwan ini dalam melonjakkan lagi kecemerlangan pendidikan di negara ini.

5. Diharapkan ahli akademik semua, dapat terus bersama-sama memberikan lebih banyak sumbangan yang terbaik, sekaligus menjadi ejen pelengkap terhadap ekosistem akademia, industri dan masyarakat, yang akhirnya memberikan kesejahteraan dan kebaikan kepada kita semua.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Dalam perkembangan dunia pendidikan masa kini, warga pendidik sentiasa diseru untuk memperkukuhkan lagi kualiti diri bagi menghadapi dengan pelbagai cabaran yang begitu kompleks. Lebih-lebih lagi, dalam era Revolusi Industri 4.0, usaha mendidik pelajar terutama di peringkat pendidikan tinggi merupakan satu amanah dan tanggungjawab yang amat mencabar. Pendekatan pembelajaran dan pengajaran yang

diaplikasikan oleh para pendidik perlulah pantas berubah selari dengan perkembangan teknologi masa kini.

7. Dalam menghadapi fenomena digital termaju ini, ahli akademik perlu disedarkan dengan keperluan untuk membuat anjakan keperibadian dan potensi diri sama ada dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual, selain senantiasa responsif terhadap perkembangan teknologi yang begitu pesat dan pantas membangun.
8. Saya amat yakin, menerusi keperibadian yang unggul, ahli akademik UTeM mampu menghasilkan lebih banyak idea yang kreatif dan inovatif, berupaya untuk menjadi penyumbang solusi atau *solution providers*, sekaligus menyumbang dalam pemerkasaan bidang akademik dan penyelidikan, dan pembangunan pelajar di universiti ini.

9. Insya Allah, dengan semangat tinggi yang tersemat di dalam diri setiap warga akademik UTeM, hasrat kita untuk melahirkan lebih ramai ilmuwan teknologi atau Technology Scholars dapat direalisasikan, secara langsung menjayakan konsep TUNAI atau Technology at University Advancing Industries and Societies, sepertimana yang telah diwar-warkan kepada seluruh warga Universiti.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

10. Dalam menghangatkan lagi sambutan Hari Akademia di peringkat Universiti, UTeM telah mengaturkan pelbagai program mengatur pelbagai pengisian wacana ilmiah dan aktiviti-aktiviti yang berfaedah. Pada Selasa yang lepas, kita telah menganjurkan program Chancellor's Talk - perkongsian dari Tokoh Maal Hijrah Kebangsaan tahun 1441 hijriah, iaitu Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini bin Ujang. Program ilmiah ini

akan diteruskan lagi pada Isnin hadapan dengan menjemput seorang lagi tokoh terkenal iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Wahid Omar.

11. Selain daripada program bercorak ilmiah, UTeM turut menganjurkan program bersifat santai, seperti yang dianjurkan pada hari ini - UTeM Akademia Walk, dan banyak lagi program-program lain yang akan dianjurkan di peringkat Fakulti mahupun Pejabat di sepanjang bulan Oktober ini, yang turut dikenali dengan bulan akademia.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

12. Akhir kata, bagi pihak Universiti Teknikal Malaysia Melaka, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutama sekali kepada pihak Kerajaan kerana mewujudkan Hari Akademia Malaysia. Tidak dilupakan, sekalung penghargaan diucapkan kepada

Kongres Persatuan Akademik universiti Awam Malaysia atau MAAC dan Persatuan Persatuan Staf Akademik UTeM atau UTeMASA dan dalam mempelopori penganjuran Hari Akademia di peringkat kebangsaan dan universiti ini.

13. Syabas dan tahniah juga kepada semua barisan Jawatankuasa Pelaksana Peringkat UTeM dan semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyumbangkan idea, tenaga, dan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program UTeM Academia Walk pada pagi ini.

Pulang pemburu dengan riangnya,
Dapat menghambat si anak rusa,
Berjuang pendidik dengan ilmunya,
Menobat martabat si anak bangsa.

Ayu semarak di sisi bonda,
Kekal berseri jambangan gelora;
Pendidik pencorak generasi muda,
Bakal mengisi kepimpinan negara.

Sekian *wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum wrt. wbt.* Terima kasih.